

17 DEC 1998

Mahathir-Timbangan/I

MAHATHIR MASIH PERTIMBANG LANTIK TPM SEBELUM PEMILIHAN

HANOI, 17 Dis (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata beliau pada masa ini masih menimbang sama ada hendak melantik timbalan perdana menteri baru sebelum pemilihan Umno tahun depan.

"Seperti yang telah saya katakan, saya mahu membiarkan parti (Umno) untuk memutuskan pada pemilihannya yang akan datang.

"Tetapi ada kalangan tertentu termasuk anggota kanan parti yang menyatakan pendapat bahawa masa itu terlalu lama untuk dinantikan," kata beliau ketika menjawab pertanyaan pada persidangan berita di akhir lawatannya selama empat hari ke Vietnam.

Dr Mahathir yang telah menghadiri persidangan kemuncak keenam Asean yang tamat di sini semalam, berkata mereka yang menyuarakan pendapat itu bimbang "kalau-kalau sesuatu berlaku kepada saya."

"Ini sesuatu yang nampaknya selalu menjadi kebimbangan bagi mereka dan oleh kerana itu saya seharusnya menimbang untuk melantik timbalan perdana menteri lebih awal," kata Dr Mahathir.

Umno dijadual mengadakan pemilihannya pada Jun tahun depan.

Tanda-tanya mengenai siapa yang akan menjadi timbalan perdana menteri Malaysia itu berterusan apabila Dr Mahathir tidak menamakan timbalannya pada perhimpunan agung khas Umno di Kuala Lumpur Ahad lepas walaupun banyak yang membuat spekulasi beliau akan berbuat demikian ketika itu.

Ekoran itu beberapa pihak lagi, termasuk anggota Dewan Negara, menyertai kalangan yang menyuarakan pendapat bahawa timbalan perdana menteri yang baru patut dilantik segera.

Alasan mereka, antara lain, ialah pelantikan segera timbalan perdana menteri yang baru dapat memperkukuhkan lagi keyakinan di kalangan rakyat dan masyarakat antarabangsa.

Satu lagi sebab ialah jika pelantikan itu dibuat sekarang, apa-apa persaingan untuk merebut jawatan itu nanti tidaklah menjadi begitu serius lagi.

Jawatan TPM menjadi kosong ekoran pemecatan Datuk Seri Anwar Ibrahim daripada Kabinet pada 2 Sept dan daripada Umno sehari kemudian.

Media dan pemerhati politik tempatan menyebut-nyebut nama dua naib presiden Umno, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang juga Menteri Luar dan Datuk Seri Najib Tun Razak, Menteri Pendidikan, sebagai mereka yang mungkin dilantik selain nama bekas menteri kewangan Tengku Razaleigh Hamzah.

Pada persidangan berita itu juga Perdana Menteri juga ditanya mengapa beliau mengubah fikirannya untuk melepaskan jawatannya tahun ini.

"Pada mulanya saya menukar fikiran oleh kerana masalah ekonomi yang dihadapi oleh negara.

Selepas itu timbul pula masalah pelucutan jawatan Anwar.

"Jadi sekarang saya tidak ada timbalan untuk menggantikan saya," katanya.

Oleh yang demikian, kata Dr Mahathir, beliau tidak dapat mengundurkan diri pada November tahun ini.

-- BERNAMA

ES NMO